

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
KAWASAN : LANANG
TARIKH : 2 APRIL 2015, KHAMIS

SOALAN:

YB. PUAN ALICE LAU KIONG YIENG (LANANG) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan sudah bersedia untuk mengambil alih Jambatan Lanang jika dipersetujui oleh Kerajaan Negeri Sarawak dan adakah perbincangan tentang pengambil alihan Jambatan Lanang diadakan sejak 2006 hingga sekarang. Jika ada, apakah kesan perbincangan tersebut. Jika tidak, kenapa.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat telah sedia maklum, Jambatan Batang Rajang Hulu Lanang, Sarawak ialah projek Kerajaan Negeri Sarawak yang dibina menerusi kaedah konsesi penswastaaan. Jambatan sepanjang 1.2 kilometer itu telah siap dibina dan dibuka kepada lalu lintas pada 11 April 2006.

Menerusi perjanjian konsesi yang telah dimeterai dengan Kerajaan Negeri, syarikat konsesi berkenaan dibenarkan untuk mengutip tol di jambatan tersebut untuk tempoh selama 30 tahun. Memandangkan jalan dan jambatan tersebut tidak diwartakan sebagai Jalan Persekutuan, maka cadangan pengambilalihan jambatan tersebut tidak dapat dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan kecuali setelah menerima persetujuan dari Kerajaan Negeri.

Setakat ini tiada perbincangan lanjut diadakan antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri mengenai cadangan pengambilalihan Jambatan Lanang tersebut. Ini kerana laluan tersebut perlu diwartakan sebagai Jalan Persekutuan terlebih dahulu oleh Kerajaan Negeri sebelum proses rundingan pengambilalihan dapat diadakan.

Sekian. Terima kasih.